



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA**

UCAPAN

EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI

KETUA PENGARAH

JABATAN STANDARD MALAYSIA

FORUM BERSAMA PENILAI

21 – 22 DISEMBER 2021

ZOOM

Jabatan Standard Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para penilai di atas dedikasi dan komitmen terhadap aktiviti akreditasi Standards Malaysia.

Sehingga Julai 2021, sebanyak 702 makmal pengujian dan penentukuran, 76 makmal pengujian Perubatan, 55 badan pensijilan, 20 badan pemeriksa dan 3 badan pengujian kecekapan dan 11 fasiliti *Good Laboratory Practice* (GLP) telah diakredit oleh Standards Malaysia hasil usaha para penilai dan memastikan badan penilaian pematuhan mematuhi keperluan akreditasi Standards Malaysia. Tahniah!

Semenjak 2 tahun kebelakangan ini, berbagai cabaran telah dilalui oleh para penilai Standards Malaysia. Bermula dengan pandemik COVID-19, para penilai tidak terkecuali untuk mengadaptasi norma baharu. Bagi memastikan kelangsungan aktiviti akreditasi di Malaysia, para penilai terpaksa menyesuaikan diri dengan menjalankan penilaian dalam talian menggunakan pelbagai aplikasi seperti *Zoom, Microsoft Teams, Google Meets* dan *Skype*. Sehingga Julai 2021, sebanyak 592 penilaian telah dijalankan secara dalam talian. Terima kasih saya ucapkan!

Pada tahun 2020, Standards Malaysia telah kehilangan 2 orang penilai yang aktif menjalankan penilaian, iaitu Mr. Tham Kok Pheng dan Mr. Lum Kon Woon. Pada tahun ini pula, Standards Malaysia dikejutkan dengan kehilangan lagi seorang penilai dan Pengerusi pertama Persatuan Makmal Akreditasi Malaysia (PMAM), Dr. Md Sani Ibrahim. Salam Takziah

diucapkan. Jasa yang ditaburkan oleh para penilai tersebut dalam aktiviti akreditasi kebangsaan tidak terhingga nilainya. Andalah wira kami.

Tahun 2021 merupakan tahun yang amat istimewa bagi Standards Malaysia kerana kita akan menyambut ulangtahun yang ke-25 sejak penubuhannya pada 28 Ogos 1996. Standards Malaysia juga mendapat perkhabaran gembira pada 21 Ogos 2021, bila mana Asia Pacific Accreditation Cooperation (APAC) mengesahkan bahawa Standards Malaysia telah berjaya mengekalkan status penandatanganan APAC Mutual Recognition Arrangement (MRA) bagi skop:

1. Pengujian (Testing)
2. Penentukuran (Calibration)
3. Pengujian Perubatan (Medical Testing)
4. Pemeriksaan (Inspection)
5. Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)
6. Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS)
7. Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan (FSMS)
8. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)
9. Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OSH)
10. Sistem Pengurusan Kualiti Peranti Perubatan (MDQMS)
11. Pensijilan Produk (PC)

Selain berjaya menambah status penandatanganan bagi skop:

1. Pengujian kecekapan (PTP)
2. Pensijilan Orang (Persons)

Kejayaan ini adalah kejayaan anda semua.

“Ada Standard Untung”

“Standard dan Akreditasi : 25 Tahun Yang Cemerlang”

Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim saya merasmikan Forum Jabatan Standard Malaysia Bersama Penilai Akreditasi 2021.

Sekian, terima kasih.